



MALAY A1 – HIGHER LEVEL – PAPER 1
MALAIS A1 – NIVEAU SUPÉRIEUR – ÉPREUVE 1
MALAYO A1 – NIVEL SUPERIOR – PRUEBA 1

Monday 8 May 2000 (morning)

Lundi 8 mai 2000 (matin)

Lunes 8 de mayo del 2000 (mañana)

4 hours / 4 heures / 4 horas

INSTRUCTIONS TO CANDIDATES

- Do not open this examination paper until instructed to do so.
- Section A: Write a commentary on one passage.
- Section B: Answer one essay question. Refer mainly to works studied in Part 3 (Groups of Works); references to other works are permissible but must not form the main body of your answer.

INSTRUCTIONS DESTINÉES AUX CANDIDATS

- Ne pas ouvrir cette épreuve avant d'y être autorisé.
- Section A : Écrire un commentaire sur un passage.
- Section B : Traiter un sujet de composition. Se référer principalement aux œuvres étudiées dans la troisième partie (Groupes d'œuvres) ; les références à d'autres œuvres sont permises mais ne doivent pas constituer l'essentiel de la réponse.

INSTRUCCIONES PARA LOS ALUMNOS

- No abra esta prueba hasta que se lo autoricen.
- Sección A: Escriba un comentario sobre uno de los fragmentos.
- Sección B: Elija un tema de redacción. Su respuesta debe centrarse principalmente en las obras estudiadas para la Parte 3 (Grupos de obras); se permiten referencias a otras obras siempre que no formen la parte principal de la respuesta.

BAHAGIAN A

Tulislah sebuah ulasan mengenai satu daripada petikan berikut:

1. (a)

Tamu terhormat tadi masih terus juga berucap. Tetapi ucapannya sudah tidak menarik perhatian Jalil lagi, kerana tiada langsung menyebut fasal tanah. Kononnya kedatangannya malam itu semata-mata fasal tanah, sebab itu Jalil sanggup datang.

5 Sepatah pun dia tidak bercakap fasal tanah. Ini yang menjadikan Jalil bertambah gelisah. Dia sudah mula bangun duduk dan tenggelam punca: hendak balik atau hendak menunggu sampai habis. Hendak balik, takut di hujung pertemuan nanti ada bercakap fasal tanah, melepas pula peluangnya hendak mendengar. Akhirnya, Jalil mengambil keputusan menunggu saja. Hendaknya keputusan itu tidak salah kira, moga-moga memberi hasil. Kalau tidak berhasil sekurang-kurangnya dia akan mengerti. Jalil akan 10 mudah mengerti tentang bagaimana orang seperti Datuk itu patut meletakkan harapannya: harapan yang sekadar harapan. Betapa tidaknya, kerana harapanlah maka dia sanggup datang malam ini.

Tiba-tiba Sahak yang telah lama terlena entah bila terjaganya, langsung bangun bertanya: "Datuk, kami di sini banyak yang dahagakan tanah untuk tapak rumah. 15 Bukannya luas. Sekadar menampung sebuah rumah pun cukuplah. Tidaklah lagi kami kena menumpang di tanah orang." Meletup pertanyaan Sahak dan cukup untuk mengubatkan rasa gelisah Jalil sejak tadi itu.

20 Ruang dewan tiba-tiba menjadi bising, seperti mereka itu baru terjaga dari mimpi, dikejutkan oleh pertanyaan Sahak tadi. Jalil mendapat semangat dari pertanyaan Sahak itu. Dia, entah kerana semangat apa, menjadi berani untuk bangun bertanya: "Datuk, kami di sini dah lama menunggu. Kami mimpi siang malam nak duduk atas tanah dan rumah yang kami sendiri menjadi tuan punyanya. Kami tak mimpi nak duduk dalam rumah batu yang cantik-cantik. Cukuplah rumah pondok, asalkan kami tak menumpang di tanah orang lain."

25 Suara Jalil tinggi rendah bercampur geram dan terharu. Tetapi perasaan meminta simpati telah mengatasi segala-galanya.

Perlahan-lahan Datuk itu bangun. Semua yang hadir terpaku menunggu, menunggu jawapan keramat yang akan diberikan – berhasil atau mengecewakan. Debar hati Jalil tentunya lebih hebat dari orang lain. Sekali lagi dia memandang semua yang 30 ada. Datuk itu barangkali hendak mencukupkan persediaan menjawab pertanyaan tadi. Dia mesti pandai memainkan kata-katanya. Kata-katanya mestilah menyenangkan. Jika tidak mereka akan mudah jadi benci. Jika mereka benci alamat padahlah kepada dirinya nanti.

35 "Sebenarnya begini. Saya sedar ramai orang di sini malam ini, yang nak dengar saya bercakap fasal tanah hujung kampung ini. Bulan lepas saya dengar ramai orang sudah meneroka tanah belukar tu. Tapi saya suka beritahu, tanah itu tidak ada rancangan hendak dikeluarkan menjadi tanah tapak perumahan. Sebab tanah itu dipercayai masih mengandungi banyak bijih. Sebab itu ada rancangan untuk dilombong lagi," kata Datuk itu.

Dipetik dari cerpen Md. Hilal Rabingan, *Tanah*, dalam
Sayembara III, 1987

1. (b)

Tukang Kebun

- tukang kebun itu menyerah jiwanya
kepada taman bunga di halaman rumah
seorang janda muda yang kaya.
sepagi dia mengutip daun gugur,
5 memangkas dan memotong,
mencangkul dan menggembur,
menyiram dan membaja
tanah di situ. angin putih
yang letih
10 memerhati dari bangku taman.
- melalui langsinj jendela si kaya jelita
diam-diam menanam tukang kebun itu
di hati berpasir keringnya.
dia menyiram tukang kebun itu;
15 cinta mengalir penuh rahsia
dan bening. dia mengepung tukang kebun
dengan pagar mimpi.
tiba-tiba angin menyelak langsinj
langsinj menyelak pasir
20 yang menggelombang di hatinya.

T. Alias Taib, *Petang Condong*, 1996

BAHAGIAN B

Tulislah sebuah karangan mengenai SATU daripada tajuk-tajuk berikut. Jawapan anda kepada bahagian ini hendaklah berdasarkan sekurang-kurangnya dua daripada empat karya yang dikaji dalam Bahagian 3. Rujukan kepada karya lain diizinkan tetapi tidak boleh dijadikan bahagian utama jawapan anda.

Novel

2. Sama ada

- (a) Bandingkan gaya naratif yang terdapat dalam dua buah novel yang anda teliti.

Atau

- (b) Bincangkan beberapa stereotaip dalam pemaparan ciri-ciri watak yang terdapat dalam novel-novel yang telah anda kaji.

Cerpen

3. Sama ada

- (a) Unsur kejutan, kerana perubahan keadaan atau muncul sesuatu yang tidak dijangka, adalah satu ciri penting dalam kekuatan sesebuah cerpen. Bincangkan dengan merujuk kepada cerpen-cerpen yang telah anda kaji.

Atau

- (b) Sebahagian daripada cerpen-cerpen Melayu seringkali berkisar pada latar dan suasana kehidupan di bandar. Dari penilitian anda, bincangkan cara penulis-penulis menggambarkan kehidupan di bandar dan bagaimana gambaran ini memberi kesan kepada sikap anda. Huraikan pandangan ini berdasarkan cerpen-cerpen yang anda kaji.

Drama

4. Sama ada

- (a) Terdapat perbezaan dari segi teknik pembabakan dalam drama-drama Melayu. Bincangkan kelainan ini dan kesannya pada persempahan keseluruhan berdasar beberapa drama yang anda kaji.

Atau

- (b) Bincangkan pemaparan watak wanita melalui dialog yang terdapat dalam dua daripada drama yang telah anda teliti.

Puisi

5. *Sama ada*

- (a) Pemilihan kata dan nada boleh mempengaruhi perasaan pembaca. Bincangkan bagaimana penulis-penulis membangkitkan nada dan semangat perjuangan dan patriotisme dalam puisi-puisi mereka. Dasarkan perbincangan kepada beberapa puisi yang anda teliti.

Atau

- (b) Penulis-penulis puisi Melayu sering kali menggunakan fenomena alam sebagai bahan perlambangan. Bincangkan kesan yang lahir dari teknik ini berdasarkan sajak-sajak yang anda kaji.

Prosa Tradisi

6. *Sama ada*

- (a) Prosa tradisi sering juga menggambarkan pertentangan manusia dengan kuasa luar biasa, sama ada dalam bentuk binatang atau jin. Berdasarkan mana-mana karya prosa tradisi yang anda teliti, bincangkan teknik penceritaan dalam menggambarkan pertentangan ini.

Atau

- (b) Antara satu prosa tradisi dengan satu prosa tradisi yang lain, sering terdapat kesamaan dari segi gaya pemaparan watak wira atau hero. Bincangkan berdasarkan karya-karya yang anda kaji.

Puisi Tradisi

7. *Sama ada*

- (a) Puisi dari jenis gurindam lebih mendekati sajak Melayu moden. Bincangkan kenyataan ini dengan penekanan kepada bentuk dan amanat yang terdapat di dalamnya.

Atau

- (b) Syair dan pantun menampakkan satu pengucapan kreatif dan dinamis dalam satu kerangka yang teratur dan ketat. Sejauh manakah dan bagaimanakah pengucapan puisi-puisi tradisional ini menggambarkan pemikiran masyarakat yang mendukunginya?